

Penyampai : Y.BHG. TAN SRI ABDUL HALIM ALI  
Tajuk : MAJLIS MENANDATANGANI KONTRAK HUMAN RESOURCE MANAGEMENT  
INFORMATION SYSTEM (HRMIS), DI BAWAH APLIKASI PERDANA  
Lokasi : KOTA FRANCAIS, SHAH ALAM  
Tarikh : 01-04-1999

Saudara/saudari Pengerusi Majlis,

Y.B. Dato' Leo Moggie Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia,

Y. Bhg. Dato' Khalid bin Hj. Ahmad, Pengerusi Eksekutif MRCB,

Y. Bhg. Dato' Muhammad Rais bin Abdul Karim, Ketua Pengarah MAMPU,

Y. Bhg. Dato' Abdul Wahab bin Adam, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,

Terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kedatangan Y.B. Dato' Leo Moggie, Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia ke majlis ini iaitu suatu majlis yang besar ertinya kepada Perkhidmatan Awam. Projek HRMIS, di mana perjanjian kontrak akan ditandatangani sebentar lagi, merupakan sebuah projek penting yang dapat meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber manusia dalam Perkhidmatan Awam. Pelaksanaan projek ini merupakan satu kemajuan yang besar dalam usaha Kerajaan membangun Electronic Government di negara ini.

Kehadiran Y.B. Menteri melambang sokongan dan komitmen Kerajaan kepada usaha memperbaiki dan mempermodenkan Perkhidmatan Awam supaya dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada negara.

2. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.Bhg. Dato' Khalid bin Haji Ahmad, Pengerusi Eksekutif MRCB yang telah membuat persediaan yang begitu rapi sebagai host kepada majlis penandatanganan kontrak HRMIS ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Syarikat MRCB dan syarikat-syarikat ahli MRCB Multimedia Consortium yang telah dipilih oleh Kerajaan untuk melaksanakan projek ini. Pemilihan ini adalah berasaskan penilaian yang dibuat oleh lembaga tender bahawa konsortium MRCB mempunyai kepakaran, kebolehan serta kemampuan dari segi teknologi, pengurusan dan kewangan untuk melaksanakan projek ini sesuai dengan spesifikasi dan kehendak Kerajaan. Seperti yang kita sedia maklum, pemilihan syarikat-syarikat untuk melaksanakan projek-projek di bawah aplikasi perdana Electronic Government bukanlah dibuat melalui proses tender biasa, tetapi melalui CRFP yang memberi ruang dan peluang untuk syarikat-syarikat yang berminat mengemukakan cadangan yang inovatif dan state-of-the-art technology selaras dengan dasar Kerajaan menggalak penyelidikan dan pembangunan industri IT dan Multimedia di Malaysia, khususnya di kawasan MSC. Adalah menjadi harapan Kerajaan supaya MRCB Multimedia Consortium dapat melaksanakan kontrak ini dengan jayanya mengikut jadual dan perancangan yang telah dipersetujui bersama antara konsortium dan Kerajaan.

3. Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian, projek HRMIS ini bertujuan menyediakan satu antaramuka atau single interface untuk semua pegawai dan kakitangan Kerajaan melaksanakan tugas-tugas pengurusan sumber manusia dengan lebih cekap dan berkesan dalam sebuah persekitaran yang bersepadu. Pembangunan projek ini meliputi fungsi operational, managerial dan knowledge base, dan merangkumi semua aspek pembangunan sumber manusia bermula dari tarikh seseorang pegawai itu dilantik hinggalah ke hari persaraannya. Di antara fungsi-fungsi pengurusan sumber manusia yang akan diliputi oleh HRMIS termasuklah perancangan sumber manusia, pengambilan, penempatan, pengesahan lantikan, latihan, pengurusan gaji, kenaikan pangkat, persaraan, pemprosesan gaji, cuti, pinjaman, pengistiharaan harta, disiplin, dan bimbingan pekerja.

4. Dengan wujudnya HRMIS, perancangan Perkhidmatan Awam dapat dibuat dengan lebih sempurna. Ini

kerana dengan adanya data yang lengkap serta mudah diperolehi, teknik-teknik seperti data mining, forecasting dan simulation boleh digunakan bagi menjana dan menilai beberapa senario atau alternatif sebelum membuat sesuatu keputusan.

5. Apabila terlaksana sepenuhnya, sistem ini akan dapat menentukan pengagihan sumber manusia yang lebih berkesan di antara agensi-agensi Kerajaan. HRMIS akan membolehkan Jabatan Perkhidmatan Awam dan jabatan lain mengesan tahap penggunaan sumber manusia di setiap unit dan agensi dengan lebih tepat. Ini akan membolehkan perancangan yang lebih berkesan di mana sumber tenaga yang berlebihan dapat digembling untuk faedah agensi yang berkurangan. Prestasi Perkhidmatan Awam akan meningkat jika kebolehan dan kemahiran pegawai dan staf dipadankan dengan keperluan jawatan. HRMIS akan membolehkan personel yang sesuai untuk sesuatu tugas dikenalpasti melalui semakan profil peribadi dengan profil jawatan supaya setiap personel awam dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk negara.

6. Projek ini akan dilaksanakan dalam 2 fasa. Fasa 1 melibatkan 10 buah agensi perintis, iaitu Jabatan Perkhidmatan Awam, Unit SMPKE, MAMPU, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Jabatan Pengairan dan Saliran, Kementerian Kesihatan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, Majlis Amanah Rakyat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Kerajaan Negeri Sarawak. Fasa 2 pula melibatkan roll-out atau perluasan kepada semua jabatan dan agensi Kerajaan yang lain, yang meliputi semua jenis perkhidmatan, iaitu Perkhidmatan Awam Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan. Tempoh pembangunan dan pelaksanaan projek HRMIS ini dijangka mengambil masa 42 bulan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,

7. Apabila siap dilaksanakan kelak, HRMIS akan merangkaikan, buat pertama kalinya, kesemua agensi Kerajaan secara elektronik supaya maklumat personel dari peringkat akar umbi akan mudah disalurkan ke peringkat yang lebih tinggi seperti di peringkat ibu pejabat agensi, kementerian-kementerian, pejabat-pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan JPA untuk mencapai objektif-objektif HRMIS seperti yang telah saya sebutkan sebelum ini. Tambahan pula, HRMIS bukanlah sistem yang stand-alone malah ianya juga akan dirangkaikan dengan sekurang-kurangnya 18 buah sistem- sistem sedia ada atau legacy systems yang bersangkutan paut dengan pengurusan sumber manusia di lain-lain agensi Kerajaan seperti di Jabatan Akauntan Negara, Suruhanjaya-suruhanjaya Perkhidmatan, Kumpulan Wang Simpanan pekerja, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan sebagainya.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

8. Memandangkan pentingnya projek ini bagi merealisasikan Electronic Government di Malaysia, saya berharap semua pihak yang terlibat, iaitu MRCB Multimedia Consortium dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkenaan bekerjasama dengan sebaiknya bagi menjayakan projek ini. Pemindahan teknologi, pengurusan perubahan atau change management yang menjadi sebahagian dari kontrak tidak akan tercapai sekiranya kerjasama dan semangat saling membantu tidak wujud. Ingatlah bahawa kejayaan projek ini mempunyai kesan yang amat luas.

Kepada Jabatan Kerajaan, ia bukan sahaja akan meningkatkan keberkesanan pengurusan sumber manusia, tetapi akan membuktikan kesungguhan Perkhidmatan Awam untuk mengguna IT bagi pembangunan dan kemajuan dalam era knowledge society. Kepada konsortium, ia memberi peluang mempamerkan kecanggihan pengurusan dan teknologinya dan dengan itu membuka pintu bagi pemasaran produknya di pasaran yang lebih luas, samada di dalam atau luar negeri.

9. Akhir kata saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam proses penilaian dan perundingan projek HRMIS ini, terutamanya pihak Jabatan Perkhidmatan Awam yang merupakan agensi perintis yang tunjak bagi projek ini. Tidak lupa juga saya ucapkan penghargaan dan tahniah kepada MRCB yang berjaya mengetuai 18 syarikat tempatan dalam projek ini, moga-moga dengan kerjasama serta usahasama yang baik, syarikat-syarikat ini dapat berkembang menjadi syarikat utama yang disegani di negara ini.

Sekian, terima kasih. Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.